

DHATRIN PAEDIATRIC SUSPENSION

Sulphamethoxazole/Trimethoprim (200mg/40mg per 5ml)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Dhatrin
2. Bagaimana Dhatrin berfungsi
3. Sebelum mengambil Dhatrin
4. Cara menggunakan Dhatrin
5. Semasa menggunakan Dhatrin
6. Kesan-kesan Sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Dhatrin
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Dhatrin

Dhatrin digunakan untuk merawat jangkitan pada:

- bahagian atas dan bawah saluran pernafasan (paru-paru)
- Kulit
- gastrousus
- saluran kencing (kencing)
- renal (buah pinggang)
- kemaluan (organ seks)

Bagaimana Dhatrin berfungsi

Dhatrin mengandungi gabungan *trimethoprim* dan *sulfamethoxazole*. Ia menghapuskan bakteria yang menyebabkan pelbagai jangkitan.

Sebelum mengambil Dhatrin

-Bila tidak boleh mengambil

Jangan mengambil Dhatrin jika:

- anda alah (hipersensitif) kepada *trimethoprim*, *sulphonamides*, atau bahan-bahan lain dalam ubat.

- anda mengalami kerosakan hati yang teruk atau penyakit kuning
- anda mempunyai gangguan darah contohnya kekurangan *G6PD* (satu enzim yang melindungi sel darah merah)
- anda mempunyai penyakit buah pinggang yang teruk
- anda hamil atau merancang untuk hamil
- Dhatrin tidak boleh diberikan kepada bayi pra-matang atau bayi yang baru lahir

-Sebelum mula mengambil

Anda perlu beritahu doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil Dhatrin jika:

- anda hamil atau sedang menyusukan anak.
- anda mempunyai sejarah reaksi alahan yang teruk
- anda kekurangan enzim *glucose 6 phosphate dehydrogenase* (*G6PD*).
- anda sedang mengambil ubat malaria seperti *pyrimethamine* atau terapi immunosupresif.

Ujian darah

Jika anda menghadapi rawatan untuk masa yang panjang, doktor anda boleh menjalankan pemantauan darah yang kerap.

-Jika mengambil ubat-ubat lain

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil atau baru-baru ini telah mengambil ubat-ubatan lain, termasuk ubat-ubatan yang diperolehi tanpa preskripsi, termasuk:

- *anticoagulants*, untuk mengelakkan pembekuan darah seperti *warfarin*
- diuretik ('tablet air') seperti *thiazide*

Doktor atau ahli farmasi mungkin mempunyai maklumat lanjut mengenai ubat-ubatan yang perlu anda berhati-hati atau mengelakkan semasa mengambil Dhatrin.

Cara menggunakan Dhatrin

-Berapa banyak harus diambil

Goncang suspensi sebelum guna.
Kanak-kanak sehingga 2 tahun: 2.5ml dua kali sehari
Kanak-kanak 2 hingga 5 tahun: 2.5 hingga 5ml dua kali sehari
Kanak-kanak 6 hingga 12 tahun: 5 hingga 10ml dua kali sehari

-Bila perlu diambil

Ambil Dhatrin pada masa yang sama setiap hari. Tanya doktor atau ahli farmasi anda jika anda tidak pasti.

-Berapa lama perlu diambil

Sentiasa mengambil Dhatrin tepat seperti yang doktor anda telah beritahu anda. Jika anda tidak pasti, tanya doktor atau ahli farmasi anda.

-Jika terlupa mengambil

Jika anda terlupa untuk mengambil dos anda, ambilkannya secepat mungkin apabila anda ingat. Ambil dos seterusnya pada masa yang tepat. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang terlupa.

-Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika anda (atau orang lain) telah mengambil banyak suspensi pada masa yang sama, atau anda menyaki kanak-kanak mungkin melannya, hubungi jabatan kecemasan hospital yang terdekat atau beritahu doktor anda dengan segera.

Tanda-tanda dos berlebihan termasuk pening, loya, muntah-muntah dan kekeliruan.

Semasa menggunakan Dhatrin

-Perkara yang perlu dilakukan

Ambil Dhatrin selama yang doktor anda mencadangkan. Jika simptom masih berterusan atau tidak meringankan selepas beberapa hari, sila berjumpa dengan doktor.

Adalah penting untuk anda minum banyak cecair (air) semasa anda mengambil ubat ini.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti mengambil Dhatrin kerana anda berasa lebih baik. Ambil tablet/suspensi selama yang doktor anda telah memberitahu anda atau masalah anda boleh kembali.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

Jika anda berada di luar rumah, pakai pakaian perlindungan atau gunakan pelindung matahari. Kulit anda lebih mudah terbakar semasa anda mengambil ubat ini.

DHATRIN PAEDIATRIC SUSPENSION

Sulphamethoxazole/Trimethoprim (200mg/40mg per 5ml)

Kesan-kesan Sampingan

Seperti semua ubat-ubatan, Dhatriin boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun tidak semua orang mengalaminya.

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengalami simptom-simptom yang berikut yang membimbangkan anda:

-*Superinfection* (jangkitan lain yang berlaku selepas atau pada waktu sama dengan jangkitan sebelumnya)

-*crystalluria* (batu kristal yang terdapat dalam air kencing semasa ujian air kencing)

-sindrom *Steven-Johnson* (keadaan kulit yang mengancam nyawa)

-ruam

-demam

-sakit kepala

-pening

-loya dan muntah-muntah.

Berhenti mengambil Dhatriin dan beritahu doktor anda dengan segera jika anda perasan, atau mengalami satu daripada yang berikut (anda mungkin memerlukan rawatan perubatan yang segera):

- Apa-apa bentuk ruam kulit atau pengelupasan kulit. Ruam mungkin menunjukkan bahawa anda alah kepada Dhatriin. Dalam keadaan yang sangat jarang berlaku, pesakit telah meninggal dunia akibat komplikasi yang mungkin timbul daripada tindak balas alahan yang teruk tertentu seperti sindrom Steven-Johnson atau toksik epidermis necrolysis. Doktor anda akan tahu apa tindakan yang perlu diambil jika anda mengalami tindak balas yang teruk.

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda mengalami kesan sampingan lain yang membimbangkan anda.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman

web portal.bpfk.gov.my
(Consumers → Reporting)

Cara penyimpanan dan pelupusan Dhatriin**-Penyimpanan**

Simpan ubat jauh daripada kanak-kanak.

Simpan di bawah suhu 30°C dan lindungi dari cahaya.

-Pelupusan

Jangan makan ubat itu apabila telah lepas tarikh luputnya.

Sila pulangkan ubat yang belum digunakan kepada ahli farmasi anda untuk dilupuskan. Hanya simpan ubat jika doktor anda menasihatkannya. Jangan buang ubat tersebut di dalam air atau bersama-sama dengan sampah-sarap rumah. Tindakan ini boleh membantu melindungi alam persekitaran.

Maklumat lanjut

Suspensi *homogeneous* berwarna merah jambu dengan rasa manis dan perisa strawberi.

-Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif

Setiap 5ml mengandungi 40mg Trimethoprim dan 200mg Sulphamethoxazole.

Bahan bukan aktif

Granulated sugar, tragacanth powder, methyl hydroxybenzoate, propyl hydroxybenzoate, sorbitol 70% solution, strawberry flavour, Red colour carmoisine, sodium saccharin, purified water

-Nombor MAL

MAL19890533AZ

Pengilang

Drug Houses of Australia Pte. Ltd.

#09-01/02 Haw Par Tiger Balm Building,

No. 2, Chia Ping Road, Singapore 619968

Pemegang Pendaftaran Produk

Actavis Sdn Bhd
C/o Allergan Malaysia Sdn Bhd
Level 5-02, Block A, PJ 8,
No. 23, Jalan Barat Seksyen 8,
46050 PJ, Selangor, Malaysia

Tarikh kemaskini RiMUP

16-06-2016

Nombor siri

BPFK(R4/1)160616/00129